

# Dr. M: Orang2 Melayu digalak niaga

**ALOR STAR, Sabtu.**— Agama Islam tidak melarang umatnya, khususnya yang berniaga dari mengumpul seberapa banyak kekayaan yang boleh asalkan mereka tidak lupa daratan dan tanggungjawab terhadap agama, bangsa dan masyarakat, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sebab itulah kerajaan sentiasa menggalakkan lebih ramai orang Melayu berkecimpung di bidang perniagaan kerana hanya dengan bergiat dalam perniagaan, seseorang itu boleh mengumpul wang dan harta yang banyak," katanya di majlis berbuka puasa Nugul Al-Quran di Masjid Kampung Kandi, 23 batu dari sini malam tadi.

Timbalan Perdana Menteri berkata disamping memasuki lapangan perniagaan untuk mencari nafkah bagi menyara keluarga, seseorang itu juga boleh mengumpul kekayaan sekiranya dia mempunyai kemahiran dan kecekapan di bidang tersebut.

Katanya, untuk mencapai kejayaan di bidang perniagaan, seseorang itu bukan sahaja dikehendaki melibatkan diri dalam perniagaan malah ia mesti mempelajari selok-beloknya.

Bagaimapun, tegas Timbalan Perdana Menteri, adalah diharapkan agar mereka yang mencapai kejayaan cemerlang dan berhasil memperoleh kekayaan dari perniagaan dan perusahaan masing-masing, tidak akan lupa kepada masyarakat yang memberi peluang kepada mereka.

"Adalah juga menjadi harapan kerajaan agar golongan Melayu yang berjaya di bidang perniagaan itu akan menghargai dasar-dasar kerajaan yang membolehkan mereka mencari peluang kejayaan disamping merasa terhutang budi kepada

Oleh: ZAINAL ABIDIN BUJAL

masyarakat," tambahna.

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap orang-orang Melayu yang kaya-raya dan berjaya dalam perniagaan hendaklah bersedia membalas jasa kerajaan itu dengan kesanggupan mereka menghulurkan derma dan bantuan kepada masyarakat terutamanya mereka yang kurang bernasib baik.

Katanya, kerajaan sememangnya berkewajipan memberi bantuan setakat yang terdaya kepada rakyat, tetapi ka-

dangkala kerajaan juga mengalami kesulitan kewangan hingga terpaksa membuat pinjaman dari pihak-pihak tertentu untuk menampung perbelanjaan negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata sekiranya ramai usahawan-usahawan dan hartawan-hartawan Melayu yang bersikap lebih dermawan, orang-ramai tidak perlu bersusah payah selalu sangat meminta bantuan dari kerajaan bagi membiayai sebarang projek untuk kebaikan mereka

bersama. Beliau memuji sikap seorang usahawan dan hartawan Melayu tempatan Encik Daim bin Haji Zainuddin yang bermurah hati membiayai sepenuhnya pembinaan sebuah masjid baru di Kampung Kandiah yang menelan belanja \$200,000.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyeru ahli-ahli perniagaan dan hartawan Melayu lain supaya mencontohi tauladan Encik Daim itu agar masyarakat umum berpeluang menumpang teduh atau berlindung di bawah kekayaan mereka.

Beliau membidas sikap setengah-setengah ahli perniagaan yang hanya berlagak meskipun belum mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No. Siri ..... 11, 391  
No. Penerimaan ..... 3204/8